


SinarIslam



RASUAH terdapat dalam dua bentuk iaitu perbuatan yang boleh dilihat dan tidak nampak, namun kedua-duanya tetap memberikan implikasi yang buruk kepada organisasi mahupun negara.

Evolusi rasuah, bukan sekadar duit kopi

Sinar Harian ms: 19/20 9/9/2022

Adakalanya ia datang dalam bentuk tidak dijangka, jangan biarkan diri terbuai dengan tawaran laba yang membinasakan



Oleh NURULFATIHA MUAH

KEDUDUKAN Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menunjukkan penurunan selama dua tahun berturut-turut. Pada tahun lalu, negara berada pada tangga 62 daripada keseluruhan 180 buah negara.

Jika dibandingkan dengan CPI 2020 dan 2019, Malaysia di tempat ke-57 serta 51 sebelum ini. Dalam senarai negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) tidak termasuk Brunei dan Palestin pula, Malaysia menduduki tempat ke-6 pada CPI 2021 iaitu di belakang Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Arab Saudi, Oman serta Jordan.

Berdasarkan rekod tersebut, ia menuntut komitmen yang tinggi buat negara memperbaiki skor dan kedudukannya dalam indeks berkenaan. Apatah lagi dalam era digital masa kini yang mencabar dengan pelbagai bentuk rasuah.

Malah, adakalanya bentuk-bentuk korupsi yang berevolusi tersebut langsung tidak terlintas dalam fikiran manusia.

Demikian pandangan yang dilontarkan

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (#RasuahBusters), Nurhayati Nordin dalam temu bualnya bersama *Sinar Islam Plus* baru-baru ini.

Jelas beliau, rasuah pada hari ini bukan sekadar duit kopi semata-mata. Sebaliknya ia boleh menjelma dalam pelbagai 'rupa'.

Barangkali ia datang dalam bentuk markah peperiksaan, tambah nilai kad prabayar telefon, seks dan sebagainya, unguhnya.

"Sebagai contoh, seorang pelajar jika dia tak tahu tentang rasuah, boleh jadi dia tidak akan mendapat sesuatu pekerjaan andai tiada 'kabel'. Ketahuilah

bahawa 'kabel', *favouritism* (pilih kasih), kronisme dan seumpamanya merupakan antara bentuk-bentuk rasuah.

"Kita kena faham, definisi korupsi bukanlah hanya tertakluk sekadar memberi, menerima atau menjadi orang tengah kepada pemberian sesuatu barang semata-mata,"

terangnya panjang lebar.

Ini kerana, menurut perspektifnya, rasuah terbahagi kepada dua jenis iaitu perbuatan boleh dilihat dan satu lagi pula dalam bentuk yang tidak nampak.

"Misalnya, menyalahgunakan kedudukan. Ia merupakan antara bentuk rasuah. Kadangkala kuasa tersebut bukan diletakkan pada tempatnya menyebabkan orang yang betul 'tidak naik' (memikul suatu jawatan), manakala orang yang tidak betul pula 'naik'.

"Sesungguhnya rasuah memberikan implikasi yang tidak baik. Bayangkan masa depan negara dipertaruhkan begitu sahaja dengan 'peluang-peluang tawaran' yang kita tidak terfikir kerana bentuk-bentuk rasuah kini sudah berevolusi.

"Apatah lagi, dalam dunia pada hari ini, tekanan kewangan, kehendak hedonisme dan materialistik sangat tinggi. Adakah



Kesan-kesan rasuah itu memberikan implikasi

yang tidak baik. Bayangkan masa depan negara dipertaruhkan begitu sahaja dengan 'peluang-peluang tawaran' yang kita tidak terfikir kerana bentuk-bentuk rasuah yang sekarang sudah berevolusi."

- Nurhayati

kita sanggup melihat anak masing-masing terbuai dengan tawaran laba mahupun habuan dunia yang jika dibiarkan menggadaikan masa depan negara?" soalnya.

Terapkan konsep imam, makmum

Bagi membanteras 'barah' korupsi, Nurhayati mengajak umat Islam menyelami konsep imam dan makmum yang boleh diimplementasikan dalam sesebuah organisasi mahupun negara.

Sebagai satu jemaah yang sama, jelas beliau, setiap daripada kita perlu mempunyai ilmu dan berhak membetulkan kepincangan dalam ruang lingkup berkenaan.

"Misalnya, sebagai makmum dan juga rakyat, kita berhak membetulkan apa yang tidak betul. Andai imam itu tersilap, baca, kita mesti ada keupayaan untuk menggantikan tempatnya.



Diskusi



CARILAH rezeki berkat dan jauhi perbuatan rasuah yang menyebabkan kemurkaan ALLAH SWT.



Pedoman Hari Ini

Rasulullah SAW bersabda: "Para malaikat berselawat (memohon keampunan) bagi seseorang daripada kamu selagi mana dia berada dalam masjid yang dia mendirikan solat padanya, selagi mana dia belum berhadass. Mereka berkata: 'Wahai ALLAH, ampunkanlah dia, rahmatilah dia'." (Sahih al-Bukhari)

amat dahsyat, terangnya.

"Sebenarnya, rasuah ini melibatkan orang ramai. Ingatlah, jika berdosa dengan ALLAH, kita boleh memohon keampunan terus kepada-NYA. Mudah kata, senang untuk kita bertaubat dan ALLAH MAHA PENERIMA TAUBAT.

"Namun, andai melibatkan dosa kita dengan manusia lain, ia satu kezaliman kepada mereka. Ini kerana boleh jadi ia melibatkan harta syarikat, organisasi dan

Cabaran korupsi era digital lebih kompleks

Sikap hedonistik, tidak pernah cukup dan krisis integriti antara punca masyarakat terlibat amalan tidak bermoral

Menurut Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar, amalan rasuah akan menjadi lebih kompleks kerana ia bukan sekadar dalam bentuk fizikal, tetapi boleh mengherot ke arah digital.

“Evolusi rasuah dari segi digital adalah apabila pemberian korupsi itu bukan lagi secara fizikal, sebaliknya menerusi pelbagai cara lain. Dalam sistem maya, terdapat tiga jenis yang dipanggil internet, *deep web* (web tidak kelihatan atau tersembunyi) dan *dark web* (rumah kepada laman sesawang yang dihoskan tanpa nama dan banyak berurusan dalam aktiviti haram).

“Hanya empat peratus daripada keseluruhan informasi datangnye daripada internet, manakala 96 peratus lagi berdasarkan kepada *deep web* dan



AKHBAR SATAR

dark web.

“Bayangkan jika transaksi rasuah berlaku, ia sukar dikesan dengan cepat. Namun agensi penguat kuasa kita mesti mempunyai kepakaran seperti *ethical hacking* (penggodam beretika) dan perakaunan forensik, di samping bersedia dengan perubahan korupsi itu kerana generasi Y, Z, alfa dan sebagainya pasti akan mencari jalan untuk menghilangkan jejak mereka dalam aktiviti rasuah secara digital,” katanya.

Akhbar yang juga Presiden Persatuan Pemeriksaan Penipuan Bertauliah berkata, kehidupan masyarakat hari ini sudah menjadi materialistik dan kebanyakan rasuah yang berlaku ditunjukkan oleh pemimpin, selain kes-kes besar yang disorot oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

“Dari segi teori fraud, tiga sebab utamanya adalah tekanan (*pressure*), peluang (*opportunity*) dan rasionalisasi (*rationalization*). Tekanan untuk hidup mewah, rumah besar dan sebagainya memicu kepada amalan tersebut.

“Malah, peluang pula terbentang di hadapan mata, selain sistem kontrak dan integriti pegawai yang lemah menyebabkan ada yang terjebak dengan korupsi. Begitu juga dengan rasionalisasi apabila dalam diri wujud dialog bahawa ‘kalau orang atas buat, aku pun boleh buat juga’. Begitulah bagaimana punca-punca tersebut memicu kepada salah laku berkenaan,” ujarnya.

Dalam pada itu, mantan Presiden *Transparency International Malaysia* itu turut mengakui sukar membanteras salah laku rasuah kerana krisis integriti dalam kalangan masyarakat meskipun mereka menyaksikan sendiri beberapa siri pertuduhan korupsi di mahkamah melibatkan individu berpengaruh sejak kebelakangan ini.

“Manusia ini bersifat hedonistik dan tidak pernah cukup. Kesedaran itu datang sekejap sahaja dan amalan itu boleh

berulang lagi kerana krisis integriti.

“Jika bukan kita yang memberi, pasti ada yang meminta suapan. Justeru semua pihak bertanggungjawab memperkasakan peranan masing-masing dalam membendung amalan rasuah,” katanya.

Amalan tidak diterima 40 hari

Mengulas perbuatan rasuah menurut Islam, pendakwah Ustaz Mohamad Hadi Talhah menjelaskan, ia berkait dengan apa jua sogokan atau suapan untuk mendapatkan sesuatu dan demi kepentingan tertentu.

“Pendek kata, korupsi bukan sekadar melibatkan wang ringgit, tetapi mungkin juga pemberian kenderaan mewah, rumah banglo, percutian, pakej tertentu dan sebagainya yang melibatkan hadiah dua pihak,” ujarnya.

Dalam hal itu, ALLAH SWT berfirman: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” (Surah al-Baqarah, ayat 188)

Malah, Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: “ALLAH melaknat orang yang menyogok dan orang yang minta disogok dalam huraian masalah hukum.” (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Melihat nas berkenaan, ujar agamawan itu, jelaslah bahawa memakan harta haram termasuk rasuah bukan sahaja berdosa besar, tetapi juga dilaknat oleh ALLAH SWT.

Ketahuilah, mereka yang terlibat dalam perbuatan tidak bermoral itu akan menerima kutukan, kemurkaan, hilang keberkatan dan rahmat ALLAH di dunia ini, selain mendapat seksaan neraka yang



MOHAMAD HADI

negara. Dari sudut untuk kita

mendapatkan kemaafan daripada orang ramai agak sukar, sudah tentulah ancaman di akhirat tidak dapat dielakkan di akhirat.

“ALLAH SWT tidak boleh menghindarkan azab seksaan tersebut pada hari kiamat kelak kerana tidak mendapat kemaafan orang ramai di dunia. Sebab itulah, kesan salah laku korupsi lebih besar daripada perbuatan makisat lain seperti berzina,” katanya sambil mengingatkan agar umat Islam

tidak memandang remeh perilaku keji berkenaan.

Menyambung hujahnya, Mohamad Hadi kemudian memberi peringatan bahawa mereka yang memakan harta haram akan menyebabkan amalan dilakukan ditolak selama 40 hari.

“Maknanya, sesiapa yang berbuat demikian waima memberi atau menerima suapan, segala amalan yang dilakukan tidak diganjar dengan pahala, tetapi mereka tetap kena tunaikan kewajiban yang difardukan ke atas umat Islam.

“Bukan itu sahaja, doanya juga tidak akan dimakbulkan oleh ALLAH SWT,” katanya.

Justeru, penceramah itu mengingatkan agar umat Islam menghindari diri daripada rasuah dan memerangi amalan tersebut dalam masyarakat.

“Ingatlah, rezeki ALLAH SWT itu sangat luas. Barangkali kita hanya peroleh sedikit, tetapi berkat daripada dapat banyak, tetapi langsung tiada keberkatan di situ atau tidak halal. Mengapa kita mencari yang haram?”

“Suka saya ingatkan bahawa benda haram itu boleh melorongkan kita ke arah perbuatan makisat yang lain. Masakan tidak, apabila dapat duit haram bukan hasil titik peluh sendiri, terlalu mudah kita tidak kisah berbelanja termasuk berjudi mahupun menggunakannya ke arah makisat yang lain.

“Disebabkan itu, kita lihat kebanyakan orang yang makan rasuah hidupnya tidak berkat dan mungkin sering ditimpa musibah,” katanya menutup bicara.